



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ

UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# CAKNA RISIKO 2021

UNIT PENGURUSAN RISIKO



©Unit Pengurusan Risiko (UPR), UiTM 2021  
Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang sistem penyimpanan dan perolehan maklumat, tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Pengurusan Risiko (UPR).

Diterbitkan di Malaysia oleh  
Unit Pengurusan Risiko (UPR),  
Aras 2, Kompleks Antarabangsa,  
Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam,  
Selangor  
Laman sesawang:<https://upr.uitm.edu.my>  
Emel: [uprisk@uitm.edu.my](mailto:uprisk@uitm.edu.my)

E ISBN 978-967-26899-0-4

Editor

- : 1. PM Dr. Roslina Ab. Wahid
2. PM Dr. Mohd Nizal Haniff
3. Prof. Dr. Nor'azam Mastuki
4. PM. Dr. Norhaslinda Kamaruddin
5. Dr. Shamshimah Samsuddin
6. Dr Akbar Kamarudin @ Abdul Shukor
7. Badrul Hisham Hussein
8. Adilla Hayati Mohd Satali
9. Faizatul Lina Aliar
10. Azian Mohd Yusoff

Konsep dan rekabentuk : NurDini Zulakiha Mohd Shokri

Reka bentuk kulit buku : Mu'adz Mohd Haslan

# **Isi Kandungan**

<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
Prakata	ii
Pengenalan Risiko	1
Pengurusan Risiko	2
Tadbir Urus Pengurusan Risiko UiTM	5
Jenis-jenis Risiko	7
Proses Pengurusan Risiko	14

# PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur Alhamdulillah kerana buku Cakna Risiko 2021 ini berjaya direalisasikan akhirnya. Buku ini adalah terhasil dari kompilasi koleksi siri Cakna Risiko sepanjang tahun 2021 yang memberi pendedahan kepada warga universiti tentang pengurusan risiko.

Pengetahuan dan kesedaran tentang risiko adalah penting untuk memacu pembudayaan amalan pengurusan risiko universiti secara menyeluruh bagi mencapai hasrat UiTM menjadi sebuah universiti yang unggul.

Dengan penataan yang menarik dan maklumat yang ringkas tetapi padat, saya percaya buku ini dapat membantu memupuk budaya celik risiko di kalangan warga universiti.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Pengurusan Risiko dan semua yang terlibat dalam penghasilan buku ini.

**Prof. Madya Dr.  
Roslina Ab. Wahid**

Pengarah Unit Pengurusan Risiko



# RISIKO

Panduan Pengurusan Risiko UiTM

## APA ITU RISIKO?

**Ketidakpastian** - isu atau kejadian atau peristiwa.

Memberi impak kepada pencapaian atau objektif sesebuah organisasi.

## CONTOH-CONTOH RISIKO



**Kerugian/Kelemahan Pengurusan**

**Kecederaan**



Cracks in Building

**Kerosakan**

**Halangan**



**Punca ketidakpastian** - perkara-perkara melibatkan isu, proses kerja, peristiwa atau kesan risiko. Perlu diuruskan dengan sebaiknya agar kelangsungan kecemerlangan dapat diteruskan.

# PENGURUSAN RISIKO

Aktiviti yang diselaraskan dalam pengurusan organisasi merangkumi proses mengenal pasti risiko dan memilih cara yang sesuai untuk menguruskan risiko

## OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO



Menjaga imej dan etika sesebuah organisasi dengan penggunaan sumber yang efisien



Menyediakan satu rangka kerja pemulihan perkhidmatan yang komprehensif untuk digunakan ketika berlaku insiden



Melindungi aset dan sumber-sumber berharga



Memupuk budaya pengurusan risiko terhadap warga universiti



Mewujudkan proses mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau mengawal dan menangani risiko

# KEBAIKAN PENGURUSAN RISIKO

OLEH UNIT PENGURUSAN RISIKO

Penetapan strategi bagi mencapai objektif dapat dimantapkan dengan mengambil kira risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian strategi.



Menggalakan budaya kerja proaktif bagi isu yang mempunyai impak besar di mana tindakan pencegahan dapat dilaksanakan.

Membantu pengurusan untuk membuat keputusan lebih tepat berdasarkan tindakan kawalan terhadap risiko atau peluang yang dihadapi.



# KESAN-KESAN AMALAN PENGURUSAN RISIKO

1

Menjadikan ruang  
kerja selamat  
dan terjamin



2

Mematuhi undang-undang  
yang telah ditetapkan  
oleh pihak berkuasa

3

Meningkatkan produktiviti  
dan kualiti kerja

4

Mengurangkan kesan  
kerugian

5

Amalan kerja  
yang lebih beretika

6

Membantu dalam  
pencapaian objektif -  
objektif organisasi



# STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO

TAKBIR URUS PENGURUSAN RISIKO

## Majlis Pengurusan Risiko Strategik Universiti (MPRSU)

Majlis Pengurusan Risiko Strategik  
Universiti (MPRSU) menggubal dasar  
pengurusan risiko universiti.



## Unit Pengurusan Risiko UiTM (UPR)

Unit Pengurusan Risiko UiTM (UPR)  
memantau pelaksanaan dasar  
pengurusan risiko universiti oleh kesemua  
**Pihak Tanggung Jawab (PTJ)**




## Pihak PTJ

**Pihak PTJ** pula melaksanakan dasar  
pengurusan risiko ini. Contoh-contoh  
PTJ ialah fakulti-fakulti dan pejabat-  
pejabat pentadbiran



# KERJASAMA DAN PERSAUDARAAN

## PENYUMBANG KEJAYAAN



- Pengurusan risiko ialah dasar UiTM
- Kita haruslah berganding bahu untuk menjayakan pengurusan risiko supaya :

 Menjadi pemangkin keupayaan universiti mencapai visi

 Menyokong dasar kepentingan pendidikan golongan Bumiputera





# JENIS RISIKO RISIKO STRATEGIK

UNIT PENGURUSAN RISIKO



ALI, APAKAH  
ITU RISIKO  
STRATEGIK?

MAAF, SAYA  
KURANG PASTI  
INA. NANA,  
KAMU PULA  
BAGAIMANA?



## DEFINISI

SEBAGAI HALANGAN UTM BAGI MENCAPAI  
OBJEKTIF DAN HALA TUJUNYA.

## CONTOH

KEKURANGAN DANA KEWANGAN UNIVERSITI

## KESAN

MERENCATKAN PENGURUSAN UNIVERSITI



BUKAN ITU  
SAHAJA NANA,  
TERDAPAT  
JUGA  
CONTOHNYA.



# UNIT PENGURUSAN RISIKO



**Keupayaan Kewangan**



**Prosedur Pengurusan Kewangan**

**JENIS RISIKO**

**RISIKO**

**KEWANGAN**

**Keselamatan Kewangan**



**Lain-lain Berkaitan Kewangan**



**CONTOH**



**Pembaziran Penggunaan  
Elektrik**

**KESAN PENGURUSAN RISIKO**



**o Jimat Perbelanjaan  
o Penggunaan Pengurusan Lain**



# RISIKO PERUNDANGAN

Risiko dari implikasi  
perundangan seperti:



Perjanjian antara organisasi



Penurunan kuasa



Perkara lain yang berkaitan dengan  
pelaksana undang-undang

Sebagai contoh:

Kerosakan jalan atau fasiliti  
yang boleh mencederakan  
individu-individu semasa  
menggunakannya.

Implikasi:

Universiti di saman sivil atau  
jenayah di mahkamah.





## JENIS RISIKO

# RISIKO REPUTASI



### DEFINISI

*Memberi implikasi kepada imej universiti*



### CONTOH

*Kakitangan universiti yang didapati bersalah di mahkamah*



### KESAN

- o Reputasi universiti tercalar*
- o Perhubungan luar universiti terguat*

# JENIS RISIKO: RISIKO OPERASI

Risiko-risiko yang melibatkan semua proses kerja bagi mencapai objektif organisasi seperti keselamatan rekod, keselamatan pekerja, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, fasiliti dan lain-lain.



Sebagai contoh, kegagalan pihak pentadbiran untuk mengadakan sistem *succession planning* juga merangkumi risiko ini. Fakta jelas menunjukkan kepimpinan yang cekap dan tuntas akan membawa kejayaan kepada sesebuah organisasi itu.





# Risiko Projek

## Projek Berimpak Tinggi dan Projek lain-lain



**Projek Impak  
Tinggi**



**Projek  
lain-lain**



Projek yang memberi impak  
besar kepada pencapaian  
objektif universiti



**> RM20 Juta**



Projek yang memerlukan  
dana universiti kurang 20  
juta



**< RM20 Juta**





# PENGURUSAN RISIKO YANG BERTERUSAN

Pengurusan Risiko bersifat  
berterusan



## 1) Pihak Terlibat

Setiap pihak terlibat dengan  
pengurusan risiko akan sentiasa  
melakukan penambahbaikan  
dari masa ke semasa



## 2) Ciri Risiko

Penambahbaikan dilakukan  
kerana risiko sentiasa berubah  
dan tidak kekal



## 3) Objektif

Dengan penambahbaikan  
berterusan akan dapat  
membantu pihak terlibat untuk  
mencapai objektifnya





# TEKNIK MENGENAL PASTI RISIKO

## TEMUDUGA

Menjalankan temuduga kepada pemilik-pemilik risiko atau mereka yang terdedah kepada risiko seperti Dekan, Ketua Pusat atau Pengarah



## KAJIAN FIZIKAL

Memerlukan pemilik risiko untuk turun padang bagi memeriksa dan mengenal pasti tahap risiko seperti pemeriksaan bangunan/struktur tanah

## REKOD KERUGIAN KEWANGAN

Melihat sama ada perbelanjaan dilakukan dengan berhemah




# ANALISIS RISIKO: KUALITATIF

Analisis kualitatif merujuk kepada kaedah analisis yang tidak menggunakan pengiraan, sebaliknya, ia melibatkan penggunaan maklumat dan penerangan sesuatu risiko dalam menentukan impaknya kepada pihak berkepentingan.



## ANALISIS KUALITATIF MUNGKIN DIGUNAKAN APABILA:



1

Ketepatan analisis kuantitatif tidak diperlukan

Analisis tahap risiko tidak setimpal dengan masa dan tenaga yang dihabiskan

2

3

Sebagai langkah awal dalam menentukan tahap risiko sebelum analisis lebih terperinci dilakukan

4

Jika data atau kaedah kuantitatif tiada



# Analisis Risiko:

## Kuantitatif



Digunakan dalam menganalisis tahap risiko dalam keadaan kemungkinan berlaku risiko dan kesannya boleh diukur



Contoh, risiko penipuan yang dapat dinyatakan kekerapan penipuan dan jumlah kerugiannya. Proses ini penting supaya dapat mengetahui kekerapan berlaku risiko dan implikasinya.

Analisis dibuat dengan melihat kebarangkalian risiko berlaku dan implikasi kepada UiTM untuk mengetahui risiko mana memberi kesan besar kepada UiTM



# ANALISIS TAHAP KEBARANGKALIAN

berdasarkan skala penarafan yang diiktiraf dalam pengurusan risiko





# SKALA PENARAFAN TAHAP KEBARANGKALIAN



1

## JARANG

Sesuatu kejadian yang jarang berlaku - **sekali melebihi 3 tahun**

2

## KEMUNGKINAN RENDAH

Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku - **sekali dalam setiap 3 tahun**

3

## ADA KEMUNGKINAN

Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku - **sekali setahun**

4

## KEMUNGKINAN TINGGI

Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku - **sekali setiap 6 bulan**

5

## HAMPIR PASTI

Sesuatu kejadian yang kerap/hampir pasti berlaku - **sekali dalam sebulan**



# ANALISIS IMPAK


Risiko yang telah dikenal pasti kemudian ditentukan skala impaknya mengikut skala keparahan risiko tersebut terhadap manusia, reputasi, kewangan dan operasi

## MANUSIA



Tahap kecederaan atau produktiviti PTj

## REPUTASI



Jumlah aduan yang diterima atau publisiti buruk

## KEWANGAN



Implikasi kewangan PTj daripada peruntukan yang diterima setiap tahun

## OPERASI




Keupayaan PTj meneruskan operasi jika risiko berlaku

# CONTOH IMPAK RISIKO TERHADAP MANUSIA



## Tiada Kesan

Kecederaan yang tidak memerlukan rawatan yang menjejaskan produktiviti.



## Kecil

Kecederaan yang memerlukan rawatan pesakit luar yang boleh menjejaskan produktiviti pada tahap minimal.



## Sederhana

Mengalami kecederaan dan perlu dirawat di hospital, ditahan wad kurang 4 hari yang boleh menjejaskan produktiviti pada tahap proses kerja.



## Besar

Mengalami kecederaan dan perlu dirawat di hospital, ditahan wad lebih 4 hari yang boleh mengakibatkan penurunan produktiviti pada peringkat jabatan.



## Sangat Besar

Kematian dan mengakibatkan penurunan produktiviti universiti.



# CONTOH IMPAK RISIKO TERHADAP REPUTASI (JENIS IMPAK RISIKO)

1

## Tiada kesan (skala 1)

- Aduan terencil



2

## Kecil (skala 2)

- 1-5 aduan daripada pemegang kepentingan dan pelanggan



3

## Sederhana (skala 3)

- 6-10 aduan daripada pemegang kepentingan dan pelanggan



4

## Besar (skala 4)

- Publisiti buruk dari akhbar tempatan dan antarabangsa mengakibatkan penurunan produktiviti pada peringkat jabatan



5

## Sangat besar (skala 5)

- Publisiti sangat buruk dari akhbar tempatan dan antarabangsa



# CONTOH IMPAK RISIKO TERHADAP KEWANGAN



1

## TIADA KESAN

Implikasi kewangan sangat rendah dan di dalam ruang kawalan pemunya risiko untuk menguruskan secara dalaman

2

## KECIL

Melibatkan implikasi kewangan <10% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab

3

## SEDERHANA

Melibatkan implikasi kewangan 10% hingga 25% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab

4

## BESAR

Melibatkan implikasi kewangan 25% hingga 50% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab mengakibatkan penurunan produktiviti pada peringkat jabatan

5

## SANGAT BESAR

Melibatkan implikasi kewangan >50% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab



# CONTOH IMPAK RISIKO TERHADAP OPERASI

## 5 JENIS IMPAK RISIKO

1

### TIADA KESAN (SKALA 1)

Tidak dapat beroperasi kurang daripada 2 jam (<2 jam)

2

### KECIL (SKALA 2)

Tidak dapat beroperasi di antara 2 - 4 jam

3

### SEDERHANA (SKALA 3)

Tidak dapat beroperasi di antara 1 - 3 hari

4

### BESAR (SKALA 4)

Tidak dapat beroperasi di antara 3 - 7 hari

5

### SANGAT BESAR (SKALA 5)

Tidak dapat beroperasi melebihi 7 hari



# MENILAI DAN MENGKATEGORI

## Tahap Risiko



- **Keputusan aktiviti dimana risiko tersebut diurus**
- **Tahap kawalan sedia ada**
- **Potensi dan kerugian sebenar dari risiko yang dihadapi**
- **Kebaikan dan peluang dari risiko**

Hasil penilaian risiko dapat menentukan keutamaan tindakan mengurus risiko. Penentuan nilai diperolehi daripada gabungan kebarangkalian dan impak



# MENGAWAL RISIKO:

R I S K

Risiko yang telah dikenalpasti perlulah dikawal bagi menentukan tindak balas terbaik dalam membangunkan pelan mitigasi.

Kawalan risiko boleh dilakukan dengan:

- Hentikan atau elak
- Mengurangkan
- Pindah
- Terima

# MENGAWAL RISIKO: HENTIKAN

1.



Tidak melakukan aktiviti  
berisiko

2.



Berhenti daripada  
melakukan aktiviti  
berisiko

Ini mungkin jawapan bagi semua risiko, tetapi pengelakan boleh menyebabkan kita kehilangan kemungkinan keuntungan atau kebaikan yang mungkin dikecapi dengan mengekal risiko.

### Contoh seperti

- Tidak membuat pelaburan di luar negara kerana keadaan mata wang negara yang lemah
- Tidak menceburi perniagaan bagi mengelakkan kerugian
- Tidak menjalankan aktiviti berbahaya
- Mengelakkan aktiviti yang boleh memberi reputasi buruk kepada universiti

# MENGAWAL RISIKO: KURANGKAN



Rawatan ini termasuk  
mengurangkan  
kebarangkalian ataupun  
mengurangkan implikasi



Mengurangkan tahap  
kerugian atau  
kemungkinan kerugian  
akan berlaku



Mengurangkan  
pededahan kita terhadap  
sesuatu risiko

Contoh seperti:

Menyediakan sistem  
pemadam kebakaran bagi  
memadamkan kebakaran  
bagi mengurangkan risiko  
kerugian akibat kebakaran.

Mengurangkan  
kebarangkalian risiko  
kecurian data dengan  
menggunakan perisian  
firewall terkini.

Mengurangkan impak  
risiko kerosakan penghawa  
dingin dengan  
menyediakan kipas apabila  
perlu



# MENGAWAL RISIKO

## PINDAH

- Berkongsi atau memindahkan risiko kepada pihak lain
- Ini untuk mengurangkan kerugian atau bebanan
- Contoh adalah dengan mengambil polisi insurans bagi kebakaran atau bencana

## TERIMA

- Kita menerima kerugian/keuntungan apabila risiko berlaku
- Risiko-risiko yang boleh diterima biasanya kecil dan boleh diurus dengan mudah
- Ada juga risiko terpaksa diterima kerana kos untuk rawatan risiko adalah lebih besar daripada kemungkinan kerugian jika risiko berlaku



# PEMANTAUAN PENGURUSAN RISIKO



Pemantauan secara berkala adalah sangat penting kerana mungkin terdapat perubahan ke atas risiko disebabkan faktor:



Pengurusan risiko adalah dinamik dimana risiko baru akan dijumpai dan risiko lama mungkin akan berkurangan.



Universiti akan mengalami perubahan dalam dan juga luaran. Ini juga akan menyebabkan risiko baru muncul.



Risiko hilang.



Keutamaan risiko rawatan telah mengurangkan risiko.



Tindakan kawalan perlu disemak bagi memastikan ia masih relevan dan boleh mengurangkan risiko yang dihadapi.

# **RISK** SEMAKAN SEMULA PENGURUSAN RISIKO

Cara kerja bagi penilaian risiko bagi kebarangkalian dan impak juga perlu disemak dari masa ke masa bagi memastikan analisis yang dibuat adalah tepat dan wajar.



Adakah risiko tersebut masih relevan?

Adakah tindakan kawalan berjaya mengurangkan risiko? Atau bertambah?

Adakah kebarangkalian telah berkurangan? Atau meningkat disebabkan aktiviti atau proses yang lain?

Jika risiko berkurangan, perlukah tindakan kawalan ditukar?

# AKTIVITI SEMULA PENGURUSAN RISIKO

Setiap risiko yang didaftarkan perlu dinilai dari segi keberkesanan tindakan kawalan yang telah dibuat

Kajian keberkesanan tindakan kawalan boleh dibuat setiap 6 bulan atau setahun bergantung tahap risiko yang telah dinilai

Perubahan ini boleh dilaporkan dengan menunjukkan pengurangan tahap risiko

lanya mengikut jadual matriks kebarangkalian dan impak



# Pelaporan Risiko



Kandungan laporan harus membantu pengurusan untuk meningkatkan sistem pengurusan risiko. Bahan yang harus dilaporkan boleh datang dari pelbagai sumber seperti :

Carian audit (dalaman dan luaran) yang melaporkan kelemahan risiko, sistem kawalan dan isu ketidakpatuhan terhadap peraturan sedia ada, peraturan dan piawaian.



Pemerhatian terhadap tahap kematangan pengurusan risiko.


Ita mungkin termasuk hasil daripada penilaian terhadap prestasi sistem pengurusan risiko

## laporan susulan

Laporkan perkembangan kemajuan yang disyorkan oleh audit terdahulu



# KANDUNGAN PELAPORAN RISIKO



Proses pengurusan risiko perlu didokumenkan



D  
O  
K  
U  
M  
E  
N  
T  
A  
S  
I

Perlu mencukupi untuk memberi maklumat untuk melaksanakan peningkatan sistem, alat dan kaedah yang diperlukan sepanjang proses pengurusan risiko.

Sekurang-kurangnya terdiri daripada dua elemen :

- Rancangan Pengurusan Risiko
- Sistem Pengurusan Risiko





UNIT PENGURUSAN RISIKO  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA